

- (2) Tidak diserahkan terlalu awal ke tapak bina
- (3) Tidak merangkumi kerja-kerja sementara seperti kerja acuan (*formwork*)
- (4) Harga bahan atau barang-barang takpasang berdasarkan harga pasaran semasa dan tidak melebihi kadar Harga Kontrak.

(ii) Subkontraktor

Bagi bahan-bahan yang dibekalkan oleh Subkontraktor Dinamakan, peratus bayaran adalah menurut peruntukan Syarat-syarat Kontrak Utama. Nilai bahan/barang-barang tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Perakuan Bayaran Interim.

- (i) Penilaian Bayaran Interim hendaklah mengambilkira kerja-kerja perubahan yang dilaksanakan oleh kontraktor dengan syarat kelulusan ke atas perubahan kerja tambahan (KPK) telah diperolehi daripada Jawatankuasa Perubahan Kerja.
- (j) Pelarasan Harga Kontrak bagi perubahan turun naik harga (V.O.P) bahan-bahan binaan hendaklah diambilkira dalam bayaran interim. Cara pelarasan tersebut dibuat mengikut peruntukan dalam Kontrak.
- (k) Bagi bahan atau barang-barang yang dibekalkan oleh Penerima hak, nilai bahan-bahan atau barang-barang yang dibekalkan mestilah dicatatkan secara berasingan di dalam Perakuan Interim dengan menggunakan Lampiran A kepada Borang JKR66. Arahan-arahan hantaran (*delivery order*) dan inbois barang-barang daripada Pemegang Serahak mestilah sampai kepada P.P. atau Wakilnya dalam tempoh tiga (3) hari sebelum tarikh penilaian dibuat. Borang JKR66 adalah seperti di Lampiran 15B.
- (l) Kontraktor Utama hendaklah mengesyorkan kepada P.P. jumlah yang perlu dibayar kepada Penerima hak dengan syarat ianya tidak melebihi jumlah yang dipesan melalui borang permohonan Kontraktor. Borang adalah seperti di Lampiran 15C, 15D, 15E, 15F dan 15G iaitu contoh Surat Ikatan Penyerahakan, Persetujuan Kerajaan Kepada Surat Ikatan Penyerahakan, Borang Permohonan Kontraktor untuk Mendapatkan